



Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 WP Labuan
Tel : 087-408851/852 Fax : 087-431478

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PEMBERIAN DISKAUN 50% UNTUK TAMBANG PENUMPANG FERI DAN BOT PADA TAHUN 2017

Berdasarkan pembentangan bajet 2017, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM11 juta bagi meneruskan pemberian diskaun 50% tambang kepada penumpang feri dan bot bagi Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2017. Diskaun ini hanya ditawarkan kepada warganegara Malaysia sahaja. Pemberian subsidi ini meliputi destinasi perjalanan seperti berikut :

Bil.	Destinasi
1.	Labuan - Menumbok / Menumbok -Labuan
2.	Labuan - Kota Kinabalu/ Kota Kinabalu -Labuan
3.	Labuan - Sipitang / Sipitang -Labuan
4.	Labuan - Limbang / Limbang- Labuan
5.	Labuan - Lawas / Lawas - Labuan

Pemberian subsidi 50% tambang kepada penumpang feri dan bot bermula pada tahun 2014 adalah bertujuan untuk mengurangkan kos perjalanan pengangkutan laut yang ditanggung oleh rakyat Malaysia ke destinasi yang menghubungkan Labuan dengan Tanah Besar Sabah dan Sarawak.

Disediakan oleh :
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Perbadanan Labuan
30 Disember 2016